



Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 6(13)
Takwim : 6 Jamadil Awal 1442H
Tarikh : 21 Disember 2020

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 3 TAHUN 2020
PEMAKLUMAN BERTULIS PENDAFTAR KEPADA HAKIM BERKAITAN DENGAN
PERMOHONAN PENANGGUHAN PROSIDING/ PENGGANTUNGAN
PELAKSANAAN SEMENTARA MENUNGGU RAYUAN DAN PERMOHONAN
KEBENARAN MERAYU BAGI KES MAL


Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Persidangan Ketua-Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali Ke-75 Bil. 3 dan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Tahun 2020 pada 14 hingga 15 Safar 1442H bersamaan 3 hingga 4 Oktober 2020 di Johor Bahru, Johor Darul Takzim yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan pemakluman bertulis Pendaftar kepada Hakim berkaitan dengan permohonan penangguhan prosiding/ penggantungan pelaksanaan sementara menunggu rayuan dan permohonan kebenaran merayu bagi kes mal.

2. Pendaftar/ Penolong Pendaftar hendaklah memberikan pemakluman bertulis serta-merta kepada Hakim yang berkenaan mengenai perkara-perkara berikut:

- (i) permohonan bagi mendapatkan penangguhan prosiding/ penggantungan pelaksanaan sementara menanti rayuan didengar; dan/atau
- (ii) permohonan bagi mendapat kebenaran untuk merayu kepada mahkamah yang lebih tinggi.

3. Pemakluman bertulis tersebut hendaklah dibuat melalui Borang A seperti di lampiran.
4. Permohonan bagi penangguhan prosiding/ penggantungan pelaksanaan sementara menunggu rayuan dan/ atau, permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Rayuan Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah didengar di mahkamah berbidang kuasa pada hari yang sama permohonan itu diterima atau pada hari bekerja yang berikutnya.
5. Arahan Amalan No. 10 Tahun 2002: Prosedur Rayuan Dalam Mahkamah adalah dibatalkan.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa dengan serta-merta.



DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

BORANG A
(Arahan Amalan No. 3 Tahun 2020)

**PEMAKLUMAN BERTULIS PENDAFTAR KEPADA HAKIM BERKAITAN DENGAN
PERMOHONAN PENANGGUHAN PROSIDING/ PENGGANTUNGAN
PELAKSANAAN SEMENTARA MENUNGGU RAYUAN DAN PERMOHONAN
KEBENARAN MERAYU BAGI KES MAL***

YAA/ YA/ Tuan Hakim,
Mahkamah Tinggi/ Rendah Syariah

ADALAH DIMAKLUMKAN bahawa plaintif/ pemohon/ defendan/ responden* dalam Kes No. telah memfailkan suatu Permohonan Penangguhan Prosiding/ Penggantungan Pelaksanaan Sementara Menunggu Rayuan/ Permohonan Kebenaran Merayu ke Mahkamah Rendah/ Tinggi/ Rayuan Syariah*.

Bertarikh: hari bulan 20.....

.....
(Pendaftar)
(Cap rasmi)

**Potong yang tidak berkenaan*